

# Najib

# mahu

# MTUC

# elak piket

BH: Rabu

20/6/2007

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Najib Razak menasihatkan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), tidak meneruskan cadangan mengadakan piket di seluruh negara untuk mendesak kerajaan menimbang pemberian gaji minimum RM900 dan elaun sara hidup (Cola) RM300 kepada pekerja swasta.

Timbalan Perdana Menteri sebaliknya meminta MTUC yang menjadi kesatuan induk bagi lapan juta pekerja swasta di negara ini supaya terus membuka pintu rundingan dengan kerajaan dalam menyelesaikan isu berkenaan.

"Kita berharap mereka tidak akan melakukannya (piket) sebaliknya terus berunding dengan kerajaan. Kita ada pertimbangan tertentu yang perlu difikirkan dan perkara itu mempunyai kesan yang banyak.

"Dasar gaji minimum tidak diamalkan di negara ini tetapi ada amalan tertentu oleh industri dan sebagai contoh, mereka boleh menentukan kadar gaji yang diterima," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Barang-Barang Perlu, di sini, semalam.

Turut hadir pada mesyuarat itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd Shafie Apdal serta Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Najib berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai cadangan MTUC mengadakan piket di seluruh negara bagi mendesak kerajaan menimbang pemberian gaji minimum RM900 dan elaun Cola RM300 kepada pekerja sektor swasta.

MTUC dilaporkan merancang mengadakan piket di Kuala Lumpur serta beberapa tempat di Selangor seperti Petaling Jaya, Bangi, Shah Alam dan Klang, serta negeri lain seperti Johor, Sarawak dan Pulau Pinang bagi menyatakan pendirian mereka.

Presiden MTUC, Syed Shahir Syed Mohamud, dilaporkan berkata kerajaan digesa menimbang pemberian gaji minimum dan elaun Cola berikutan peningkatan kos sara hidup dan harga barang keperluan terutama di bandar besar.

Sementara itu, Najib berkata, keberkesanan operasi pemantauan dan perintah kawalan harga oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP), memberi keyakinan kepada kerajaan bahawa inflasi mampu dikekalkan di bawah paras 2.5 peratus tahun ini.

Oleh Shamshul Azree Samshir